

29/11/1997

Pertumbuhan lebih rendah tahun depan

Khaidir Abdul Majid in Tokyo

TOKYO, Jumaat - Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi enam peratus atau mungkin lebih rendah lagi tahun depan berikutan masalah mata wang dan kejatuhan pasaran saham yang dihadapinya sejak empat bulan lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini mungkin boleh mencapai tujuh peratus.

Bagaimanapun tahun depan, angka itu mungkin lebih rendah berikutan banyak syarikat yang sebelum ini mampu mencatat keuntungan tidak lagi berupaya berbuat demikian kecuali yang berorientasikan eksport.

"Masalah yang dihadapi sekarang juga menjejaskan pendapatan kerajaan selain pertumbuhan ekonomi negara," katanya dalam temuramah dengan akhbar kewangan, Nihon Keizai Shimbun dan Tokyo TV di sini, hari ini.

Perdana Menteri menjawab soalan wartawan Jepun mengenai kejatuhan mata wang dan masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kesan masalah mata wang terhadap hasrat Asean untuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas (Afta) menjelang 2003.

Beliau berkata, Asean mungkin terpaksa menangguhkan pelaksanaan Afta berikutan kebanyakan negara anggotanya menghadapi masalah ekonomi.

"Kita semua terjejas walaupun kesan masalah yang dihadapi berbeza.

"Bagi saya, Afta mungkin ditangguh seketika.

"Bagaimanapun, kita akan berusaha mencapai matlamat melaksanakan Afta mengikut jadual.

"Namun, kini setiap negara mahu mengurangkan jumlah import mereka," katanya sambil menjelaskan, soal itu dan masalah mata wang akan dibawa kepada sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Kuala Lumpur, bulan depan.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno turut ditanya mengenai kemungkinan parti itu menyaksikan pertandingan pada perhimpunan agung 1999.

Beliau menjelaskan, itu bukan baginya untuk menentukan.

"Mereka (ahli Umno) yang menentukan sama ada untuk mengadakan pertandingan atau tidak.

"Saya tidak tahu apa yang mereka tentukan nanti," katanya.

(END)